

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 21 Mac 2021 9:30 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Lakar Sejarah Penting Tuanku Sultan Kedah Terima Ijazah Kehormat, Dua Pro-Canselor Baharu Dimasyhurkan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

21 MAC 2021 / 7 SYAABAN 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil & Muhammad Shamsul Shafie

**UUM LAKAR SEJARAH PENTING TUANKU SULTAN KEDAH TERIMA IJAZAH KEHORMAT,
DUA PRO-CANSELOR BAHARU DIMASYHURKAN**



UUM ONLINE: Alor Setar - Universiti Utara Malaysia (UUM) melakar sejarah penting apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman yang juga Tuanku Canselor UUM telah dipersembahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pentadbiran dan Pembangunan Awam) sempena Majlis Konvokesyen DiRaja dan Pemasyhuran Pro-Canselor UUM di Istana Anak Bukit, hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah selaku Pro-Canselor UUM telah mempersembahkan ijazah kehormat tersebut kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sebagai Canselor universiti ini sejak 2017.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, persembahan ijazah kehormat itu adalah sebagai menghargai dan mengiktiraf naungan serta sumbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku Canselor UUM terutamanya dalam pembangunan pendidikan di negeri Kedah.

Menurutnya, pencapaian cemerlang UUM sejak dari awal penubuhan sehingga kini disebabkan kecintaan Istana Kedah terhadap institusi ilmu.

"Hubungan istimewa antara 'istana dan universiti' ini akan terus kekal sebagai manifestasi kesetiaan warga UUM kepada Raja dan Negara seperti yang terkandung dalam pengertian lingkaran warna kuning logo UUM.

"Di samping itu, Baginda yang meminati dan memberi perhatian kepada bidang pendidikan juga telah menekankan tentang kepentingan menimba ilmu khususnya dalam era kemajuan teknologi masa kini dan Baginda telah menzahirkan supaya universiti ini menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bagi menyebarkan pengetahuan dalam bidang berkenaan kepada semua peringkat terutamanya akar umbi," katanya.

Pada majlis sama, Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tunku Shazuddin Ariff Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tunku Laksamana Kedah dan Yang Mulia Tengku Tan Sri (Dr.) Dato' Paduka Mahaleel Tengku Ariff turut dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UUM yang baharu.

Pemasyhuran tersebut telah diisytiharkan oleh Tuanku Canselor, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Hadir sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha Ibni Almarhum Tengku Ariff, Tuanku Sultanah Kedah dan Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda Binti Mohamad Ariff, Raja Puan Muda Kedah. Selain itu, Menteri Besar Kedah, Tuan Haji Muhammad Sanusi Md. Nor; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar turut hadir menyaksikan Majlis Konvokesyen DiRaja dan Pemasyhuran Pro-Canselor UUM tersebut.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.